

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

## 7 kematian kelmarin

**Kuala Lumpur:** Seramai 1,176,530 atau 33.1 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di negara ini sudah lengkap divaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids), setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman sesawang Covid-now, sejumlah 1,727,791 atau 48.6 peratus daripada kumpulan itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sebanyak 2,914,167 atau 93.7 peratus sudah lengkap divaksin, manakala 3,010,754 atau 96.8

peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Dalam pada itu, sejumlah 16,098,582 atau 68.4 peratus orang dewasa di negara ini sudah menerima suntikan dos penggalak, 22,974,695 atau 97.6 peratus lengkap dua dos suntikan vaksin dan 23,251,418 atau 98.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, Portal Github Kementerian Kesihatan melaporkan tujuh kematian akibat Covid-19 pada kelmarin dengan dua kes di Kedah dan Selangor serta masing-masing satu kes di Kuala Lumpur, Johor dan Terengganu.

## Kes HFMD di Kelantan catat penurunan

**Kota Bharu:** Sejumlah 1,179 kes baharu penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) direkodkan Kelantan dalam tempoh seminggu sehingga Sabtu lalu.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, ia jumlah bagi Minggu Epidemiologi (ME) ke-21 antara 22 Mei hingga 28 Mei 2022 yang menjadikan kumulatif 4,905 kes tahun ini.

Bagaimanapun katanya, kes baharu itu menurun berbanding ME ke-20 yang mencatatkan 1,233 kes.

"Kota Bharu merekodkan kes paling tinggi iaitu 429 kes, diikuti Gua Musang (130 kes), Pasir Mas (108 kes), Tumpat (97 kes), Machang (87 kes), Kuala Krai (86 kes), Pasir Puteh (82 kes), Tanah Merah (75 kes), Bachok (65 kes) dan Jeli (20 kes)," katanya, semalam.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

## Hanya 20.2 peratus terlibat PICKids di Terengganu

**SETIU** - Hanya sejumlah 36,079 atau 20.2 peratus kanak-kanak di Terengganu terlibat dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) yang berakhir kelmarin.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, seramai 18,471 kanak-kanak terbabit telah lengkap dua dos vaksinasi.

"Ia meliputi 10.3 peratus keseluruhan kanak-kanak di seluruh Terengganu. Baki 9.9 peratus kanak-kanak lain yang turut serta dalam PICKids pula baru menerima satu dos vaksin Covid-19.

"Saya akui secara keseluruhan pencapaian PICKids di Terengganu agak tertinggalan berbanding negeri-negeri lain," katanya.

Terdahulu beliau ditemui selepas merasmikan Seminar

Kebersihan Tangan peringkat Terengganu di Hospital Setiu, di sini semalam.

Dr. Kasemani berkata, walaupun PICKids sudah berakhir kelmarin, kanak-kanak yang membatalkan janji temu sebelum ini kerana kurang sihat atau dijangkiti Covid-19 masih boleh mendapatkan vaksinasi secara percuma di klinik kerajaan terdekat.

Tambah beliau, kanak-kanak yang baru mencapai usia lima tahun juga layak menerima vaksin Covid-19 secara percuma sehingga Januari 2023.

"Bagi ibu bapa kanak-kanak lain yang tidak pernah mendaftar dengan PICKids pula, mereka perlu ke klinik swasta sekiranya masih berminat untuk mendapatkan vaksin Covid-19 untuk anak masing-masing," katanya.



**DR. KASEMANI (tengah) menerima penerangan berhubung rampasan ubat tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernetifikasi di Hulu Terengganu semalam.**

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 30

RUANGAN : NASIONAL

## HFMD: Hanya 3 kes dimasukkan ke ICU

**KUALA LUMPUR** - Sehingga 28 Mei lepas, hanya tiga kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) daripada 65,535 kes yang dilaporkan, dimasukkan ke wad rawatan rapi (ICU) setakat ini, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, kes pertama dan kes kedua dimasukkan ke ICU kerana mengalami komplikasi radang otak (*encephalitis*) dan disahkan dijangkiti EV71 manakala kes ketiga dimasukkan ke ICU kerana pemantauan selepas pembedahan perut.

"Kes ketiga ini dipindahkan ke wad pembedahan biasa pada 27 Mei untuk pemantauan lanjut manakala kes pertama dan kedua masih di bawah pemantauan rapi di ICU," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurut Dr Noor Hisham, sehingga hari terakhir minggu epidemiologi (ME) 21/2022 (pada 28 Mei), 65,535 kes HFMD telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 27 kali ganda bagi tempoh sama bagi 2021 (semasa pandemik Covid-19) iaitu 2,333 kes.

"Jika dibandingkan dengan tempoh sama pada 2019 dengan kes sebanyak 29,846, ia menunjukkan peningkatan 1.2 kali ganda manakala kes HFMD yang dilaporkan bagi ME 21/2022 adalah 18,602 berbanding 15,548 pada ME 20/2022 iaitu peningkatan 19.6 peratus," katanya. -*Bername*

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 10  
 RUANGAN : NEGARA

## Terhindarkah kita daripada monkeypox?

**BELUM** reda dengan wabak maut tidak diundang Covid-19, dunia sekali lagi digemparkan dengan kehadiran penyakit cacar monyet (*monkeypox*).

Dengar nama memang agak kelakar tetapi ia tetap dikategorikan sebagai penyakit.

Dikatakan, penyakit ini dikesan dan sedang merebak di beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Eropah dan kini Afrika.

Berita baiknya ia belum sampai ke Malaysia seperti yang tular beberapa hari lalu.

Walaupun dikatakan penularan penyakit tersebut tidaklah bahaya dan sepantas Covid-19, tetapi langkah berjaga-jaga tetap perlu diambil kira.

Memetik kenyataan Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi), Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Dr. Wan Mohd. Zahiruddin Wan Mohammad, risiko jangkitan kepada orang awam dan menular menjadi wabak seperti Covid-19, penyakit tangan, kaki dan mulut atau lain-lain adalah sangat rendah kerana secara umumnya cacar monyet tidak mudah merebak.

Katanya, gejala dan tanda jangkitan monkeypox biasanya mirip seperti penyakit cacar air iaitu demam, keletihan, sakit kepala serta ruam makulopapular yang bermula di muka kemudian merebak ke bahagian tubuh termasuk tapak tangan dan tapak kaki.



"Pesakit juga mungkin mengalami lenuh badan, sakit belakang badan atau sendi, kejang otot dan pembengkakan kelenjar limfa.

"Tempoh inkubasi biasanya antara enam hingga 13 hari tetapi boleh berjangkit dari lima hingga 21 hari dan pesakit akan mengalami gejala selama dua hingga empat minggu," katanya.

Tambah Wan Mohd. Zahiruddin, kadar kematian di negara yang dibadai monkeypox juga rendah, dianggarkan tiga hingga enam peratus sahaja.

"Pun begitu, kanak-kanak dan individu yang mempunyai tahap imunisasi rendah mempunyai risiko dengan gejala lebih serius dan boleh membawa maut sekiranya dijangkiti monkeypox.

"Elakkan sentuhan langsung dengan luka mereka yang dijangkiti monkeypox sama ada manusia mahupun haiwan, serta objek yang mungkin tercemar dengan cecair tubuh pembawa virus seperti pakaian kotor yang digunakan oleh orang yang dijangkiti," tegasnya.

Senada dengan Wan Mohd. Zahiruddin ialah Pensyarah

Anatomi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia, Dr. Amira Raudhah yang menyifatkan langkah berjaga-jaga perlu diambil setiap lapisan masyarakat dalam usaha membendung penyakit tersebut daripada terus menular.

"Waima sehingga kini masih tiada laporan kes dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membabitkan penularan wabak monkeypox di negara ini, namun ia tetap menimbulkan keresahan banyak pihak.

"Sama juga seperti Covid-19, sampai sekarang pun kita sudah terbiasa dan terdidik dengan amalan mematuhi prosedur operasi standard.

"Justeru, begitu juga dengan soal monkeypox ini, apapun langkah berjaga-jaga tetap perlu diberi keutamaan semua selain tindakan proaktif pihak berwajib dalam membendung penularan wabak ini," ujarnya.

Kelmarin, KKM dalam satu kenyataan tidak bercadang menutup pintu sempadan negara meskipun terdapat kes jangkitan cacar monyet.

KKM juga berkata, kerajaan telah mengetatkan saringan kesihatan di semua pintu masuk negara terutama bagi pengembara dari negara yang mempunyai kes penyakit cacar monyet.

Menurutnya, langkah itu adalah untuk memastikan penyakit tersebut dapat dibendung daripada memasuki Malaysia.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

22ND EPIDEMIOLOGY WEEK

# 71,471 HFMD CASES REPORTED IN MAY

This is a 28-fold increase compared with the same period last year

TEOH PEI YING  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**T**HE Health Ministry said yesterday the number of hand, foot and mouth disease (HFMD) cases increased 28-fold in May compared with the same period last year.

Up to May 30 this year, 71,471 cases had been reported in the country, said Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

"The total was a 28-fold increase compared with the same period in 2021, when only 2,485 HFMD cases were reported in the 22nd epidemiology week (EW) last year," said Dr Noor Azmi.

He said the figure was a 1.3-fold increase compared with the 30,489 cases reported in 2019, before the Covid-19 pandemic.



Datuk Dr Noor Azmi Ghazali

"HFMD is a common disease among children. To date, 91 per cent or 65,032 cases involved children aged 6 and above, and seven per cent (5,194 cases) comprised children aged between 7 and 12.

"Of the 1,573 reported cases, 956 or 61 per cent were detected in nurseries, kindergartens and pre-schools, and 35 per cent at personal residences up to May 30," he said in a statement.

Dr Noor Azmi said almost 30

per cent of the HFMD cases were reported in Selangor. Other states and Federal Territories each contributed less than 12 per cent of the total.

He added that Selangor registered 20,433 cases with Petaling district recording the most cases at 7,247.

"Weekly cases had surpassed the warning level since the EW15 and the Selangor Health Department set up a HFMD operation room on April 4.

"So far, 182 HFMD clusters were reported involving 773 cases.

"Of the clusters, 83 per cent were detected in nurseries, kindergartens and daycare centres."

Dr Noor Azmi said the Health Ministry had conducted townhall meetings to curb the spread of HFMD.

He said up to last month, 187 sessions involving public and private agencies had been held nationwide.

He said the townhall sessions were a proactive effort comprising health education activities such as talks, distribution of health education materials, and demonstrations on self-hygiene



A child using a hand sanitiser at a kindergarten in Klang recently.  
PIC BY FAIZ ANUAR

and disinfection.

"Townhall meetings are crucial in educating parents, management of nurseries, kindergartens and preschools on the causes of HFMD and their roles in curbing the spread of the disease.

"The programme also emphasises the importance of preven-

tion and control activities that need to be carried out at their premises.

"During the townhall sessions, nurseries, kindergartens and preschool operators and teachers are informed of actions that need to be taken to make sure their premises are free from HFMD."

UP TO TUESDAY

## 33pc of children aged 5 to 11 fully vaccinated under PICKids

**KUALA LUMPUR:** A total of 1,176,530 or 33.1 per cent of children aged 5 to 11 have completed their vaccination under the Covid-19 National Immunisation Programme for Children (PICKids) up to Tuesday.

According to the Health Ministry's CovidNow portal, 1,727,791 children or 48.6 per cent have received at least one dose of the Covid-19 vaccine.

As for teenagers aged 12 to 17 years, a total of 2,914,167 individuals or 93.7 per cent have completed their vaccination. Of this, 3,010,754 or 96.8 per cent have received at least one dose of the vaccine.

At the same time, 16,098,582 individuals or 68.4 per cent of the adult population have received the booster dose. A total of 22,974,695 individuals or 97.6 per

cent have completed two doses of the vaccine and 23,251,418 individuals or 98.8 per cent have received at least one dose.

As for daily doses, 13,302 doses of Covid-19 vaccine were dispensed on Tuesday, comprising

7,404 first dose, 3,810 second dose and 2,088 booster dose.

This brings the cumulative number of vaccine doses administered under the PICK to 70,939,755.

Meanwhile, the Health Min-

istry's GitHub portal reported that seven Covid-19-related deaths were recorded on Tuesday, with two cases each in Kedah and Selangor, one each in Kuala Lumpur, Johor and Terengganu.

**Bernama**



Children waiting to get a Covid-19 jab at the IDCC vaccination centre in Shah Alam on Tuesday.  
PIC BY FAIZ ANUAR

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NATION

## Over one million kids aged five to 11 fully vaccinated

**KUALA LUMPUR:** A total of 1,176,530 or 33.1% of children aged five to 11 in the country have completed their vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids).

According to the CovidNOW portal, 1,727,791 children or 48.6% of the group have received at least one dose of the vaccine.

As for teenagers aged 12 to 17, a total of 2,914,167 individuals or 93.7% have completed their vaccination while 3,010,754 or 96.8% have received at least one dose of the vaccine.

At the same time, a total of 16,098,582 individuals or 68.4% of the adult population have received the booster dose.

Meanwhile, 22,974,695 individuals or 97.6% have completed two doses of the Covid-19 vaccine and 23,251,418 individuals or 98.8% have received at least one dose of the vaccine, Bernama reported.

As for daily doses, a total of 13,302 doses of Covid-19 vaccine were dispensed on Tuesday, with 7,404 as first dose, 3,810 second dose and 2,088 booster dose.

This brings the cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,939,755.

Meanwhile, the Health Ministry's GitHub portal reported seven Covid-19 deaths, with two cases each in Kedah and Selangor while one each in Kuala Lumpur, Johor and Terengganu.